

**KATA-KATA ALUAN Pengerusi Persidangan Majlis Perhutanan
Negara ke-16
YAB Dato' Seri Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi
di Dewan Persidangan ICU, Putrajaya
15 November 2001**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

YAB Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri,

YB Menteri-menteri,

YBhg. Tan Sri-Tan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri dan Dato'- Dato',

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya terlebih dahulu ingin mengalu-alukan kedatangan YAB Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan dan mengucapkan terima kasih kerana dapat hadir Mesyuarat Majlis Perhutanan Negara (MPN) ke- 16 pada hari ini. Saya ingin memaklumkan bahawa semenjak mesyuarat MPN ke-15 pada bulan Julai tahun lepas sektor perhutanan dan kayu-kayan terus memainkan peranan yang penting sebagai salah satu penjana sumber pendapatan negara. Pendapatan yang diperolehi menerusi eksport kayu-kayan dan barangan berasaskan kayu terus menunjukkan peningkatan sejak beberapa tahun yang lepas. Dalam tahun 2000, jumlah eksport kayu balak, kayu gergaji, papan lapis, venir dan barangan berasaskan kayu telah meningkat kepada RM 17.7 billion berbanding dengan RM 17.1 billion tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, sektor ini juga berupaya menyediakan lebih daripada 260,000 peluang pekerjaan kepada guna tenaga negara ini.

2. Sebagai pengeluar terbesar kayu tropika serta menyedari pentingnya sektor perhutanan kepada pembangunan sosio-ekonomi negara, kerajaan telah membuat komitmen untuk melaksanakan pengurusan hutan secara berkekalan selaras dengan deklarasi RIO pada Jun 1992. Mulai tahun ini Malaysia aktif menyertai Persidangan Antarabangsa anjuran United Nations Forum on Forests (UNFF) yang kini telah memulakan pusingan pertama pada bulan Julai lalu di New York. Hasil rundingan dalam forum-forum antarabangsa sangat bermakna serta mempunyai implikasi besar terhadap pengurusan dan pembangunan sumber hutan negara. Oleh itu, usaha yang gigih diperlukan untuk memastikan pencapaian komitmen tersebut.

3. Walaupun pada masa kini kedudukan Malaysia adalah kukuh di pasaran kayu antarabangsa, kita menyedari bahawa kita berdagang dalam persekitaran pasaran yang bersaing sengit. Walaupun perdagangan bebas sering disarankan oleh setiap negara pedagang utama, namun kita semua mengetahui bahawa "there is no level playing field" memandangkan kedua-dua negara maju dan membangun kini masih bersaing untuk mendapatkan syer pasaran yang lebih luas lagi. Justeru itu, untuk memastikan industri kayu negara terus berkembang, sektor perkayuan telah dikenalpasti sebagai industri berasaskan sumber yang perlu dibangunkan dan diperkembangkan di bawah pelan induk perindustrian. Usaha-usaha yang berterusan telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan bagi memastikan sumber hutan sedia ada diuruskan secara berkekalan bertujuan mencapai faedah sosial, ekonomi dan alam sekitar yang seimbang. Bagi maksud ini, kita harus bersedia

untuk mengurangkan pergantungan sepenuhnya bekalan kayu daripada hutan asli dan beralih kepada sumber dari ladang-ladang hutan yang sedang dan akan dibangunkan. Usaha-usaha perlu diteruskan untuk menambah keluasan penanaman ladang-ladang hutan sedia ada dengan menggalakkan penanaman spesies hutan terpilih secara komersil.

4. Hasil daripada rundingan yang dianjurkan oleh WTO, peluang adalah terbuka luas bagi syarikat-syarikat menerokai pasaran-pasaran luar negara. Menjelang tahun 2003, ASEAN Free Trade Area (AFTA) akan diwujudkan, lantas memberi implikasi dan kesan positif dari segi 'market access' kepada industri perkayuan negara. Dalam pada itu, industri perkayuan harus menyedari bahawa persaingan global berkehendakkan pengeluaran produk yang lebih bernilai tambah serta bermutu, reka bentuk penggunaan teknologi yang intensif, penggunaan sumber manusia dengan lebih cekap dan penggunaan intensif maklumat serta pengetahuan dalam proses pengeluaran. Kemantapan industri perkayuan negara banyak bergantung kepada keupayaan kita untuk terus meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Oleh yang demikian, usaha-usaha wajar dipertingkatkan untuk menjadikan Malaysia sebagai pengeluar barangan kayu dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi di pasaran dunia.

5. Desakan masyarakat sejagat dalam era globalisasi terhadap perhutanan dan alam sekitar memerlukan komitmen yang bersungguh-sungguh oleh semua pihak. Kehendak dan citarasa masyarakat moden terhadap hutan dan alam sekitar menjadi semakin kompleks. Ini menyebabkan tugas dan tanggungjawab yang dipikul oleh warga perhutanan menjadi bertambah mencabar. Kini penekanan diberi kepada pengurusan hutan secara berkekalan sejajar dengan permintaan masyarakat. Dalam pada itu konsep pengurusan hutan telah diperluaskan serta mencakupi bidang-bidang lain seperti fungsi perlindungan hutan dan pengeluaran barangan bukan kayu.

6. Pengurusan hutan secara berkekalan sentiasa menjadi agenda penting negara kita bagi memastikan khazanah hutan semulajadi terus kekal sepanjang zaman demi kebaikan kita semua dan generasi akan datang. Tindakan dan langkah-langkah yang sistematik telahpun dilaksanakan terutamanya untuk merealisasikan petunjuk dan kriteria Malaysia atau MC&I sebagaimana yang terkandung dalam objektif ITTO (International Tropical Timber Organisation) tahun 2000. Saya yakin hutan yang diurus secara berkekalan akan memberikan banyak manfaat dan kebaikan kepada masyarakat dan alam sekitar disamping dapat terus merangsang pembangunan ekonomi negara.

7. Bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan dan pada masa yang sama untuk diiktiraf sebagai negara yang unggul dalam pengurusan hutan tropika, maka saya menyeru semua kerajaan-kerajaan negeri membuat anjakan paradigma dengan pendekatan baru yang lebih proaktif ke arah kecemerlangan pengurusan dan pemeliharaan. Tanggapan lama yang melihat peranan hutan hanya untuk mengeluarkan kayu balak perlu diubah selaras dengan kehendak dan perubahan masa kini. Peranan dan fungsi hutan telah bertambah penting meliputi aspek-aspek lain seperti punca bekalan air bersih dan berterusan, mengekalkan kestabilan tanah dan alam sekitar, mempengaruhi suhu setempat, memelihara kepelbagaian biologi dan sumber genetik dan sebagainya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Pakar-pakar alam sekitar memandangkan berat peranan hutan sebagai paru-paru dunia yang menyerap 'gas-gas rumah hijau' atau 'green house gases' dan pembekal udara bersih. Dalam hal ini kita berbangga kerana Malaysia masih mengekalkan kawasan berhutan yang luas iaitu 20.2 juta hektar atau 62% daripada keluasan tanah negara. Sebahagian besar, iaitu 14.5 juta hektar atau 44% daripada jumlah tersebut adalah merupakan kawasan hutan yang diwartakan sebagai hutan simpanan kekal (HSK) yang diuruskan secara berkekalan. Daripada statistik yang dinyatakan tadi, membuktikan bahawa kerajaan sentiasa peka dan memandangkan serius terhadap usaha-usaha mengekalkan sumber hutan supaya hutan terus berperanan dan berfungsi serta menyumbang terhadap kehidupan manusia dan alam sekitar.

9. Saya yakin dengan usaha-usaha dan program yang telah dan sedang dilaksanakan, Malaysia berupaya dan mampu menangani dan sekaligus mematuhi sebarang ketetapan yang telah dipersetujui di peringkat antarabangsa terutamanya isu-isu yang berkaitan dengan perhutanan. Justeru itu, semua kerajaan negeri, jabatan dan agensi kerajaan persekutuan perlu berperanan dengan lebih aktif dalam memastikan sumber khazanah hutan negara tetap terpelihara, diurus dan dibangunkan secara berkekalan selaras dengan deklarasi Rio pada Jun 1992 dan komitmen kita dalam persidangan antarabangsa anjuran United Nations Commission on Sustainable Development (UNCSD). Hasil rundingan dalam forum-forum antarabangsa sangat bermakna serta mempunyai implikasi besar terhadap pengurusan dan pembangunan sumber hutan negara. Oleh itu, usaha yang lebih gigih diperlukan untuk memastikan pencapaian komitmen tersebut. Kerajaan-kerajaan negeri perlu bertanggungjawab secara langsung ke atas pemeliharaan dan pengurusan hutan. Oleh itu kerajaan-kerajaan negeri perlu meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatannya bagi memastikan khazanah negara ini terkawal dan diurus sebijak-bijaknya bagi menjamin ianya akan terus berkekalan. Sehubungan dengan ini, saya ingin menggesa kerajaan-kerajaan negeri supaya memberi kerjasama dan komitmen untuk pelaksanaan skim pensijilan kayu-kayuan dan mengikut jadual pengurusan hutan sepenuhnya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Pada mesyuarat MPN ke-16 ini, beberapa dasar penting mengenai perhutanan akan dibincang dan diputuskan, antara lain, mengenai catuan tebaran tahunan bagi tempoh Rancangan Malaysia kelapan, langkah-langkah pengawalan dan usaha-usaha meningkatkan sumber tumbuhan ubat-ubatan termasuk tongkat ali dan kacip fatimah, kemajuan pelaksanaan skim pensijilan kayu di Malaysia, konvensyen rangkakerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai perubahan iklim dan isu hutan sebagai "carbon sinks", dan status pengurusan hutan secara berkekalan di Malaysia.

11. Akhir sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YAB-YAB Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri yang sentiasa memberi kerjasama dan mengambil inisiatif untuk usaha-usaha pemeliharaan serta pensijilan kawasan-kawasan hutan simpanan kekal yang akan dilaksanakan pada alaf baru ini. Dengan kata-kata demikian saya ingin menarik perhatian YAB-YAB Tan Sri - Tan Sri, Dato'- Dato', tuan-tuan dan puan-puan kepada agenda mesyuarat MPN ke-16 seterusnya.

Terima kasih.